

14 MAR 2004

Mahathir-Perubahan

MAHATHIR: TERIMA DAN URUS PERUBAHAN BAGI PELIHARA FUNDAMENTAL ISLAM

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa umat Islam di seluruh dunia supaya menerima dan mengurus perubahan mengikut peredaran masa bagi memelihara fundamental Islam.

"Segala-galanya berubah mengikut peredaran masa. Kita boleh menentang perubahan, menjadi ortodoks dan konservatif tetapi kita tidak boleh menolak perubahan selama-lamanya.

"Kita boleh sama ada untuk menerima perubahan yang datang atau kita boleh mengubahsuaikannya. Sudah tentu kita sendiri juga boleh melakukan perubahan. Apa juga yang kita lakukan perubahan tetap akan berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan bertajuk "Dinamik Perubahan -- Pengalaman Malaysia" pada Persidangan Advista Arabia VI di Jeddah. Teks ucapannya difakskan kepada Bernama di sini hari ini.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa kesal terhadap sebilangan umat Islam yang menolak perubahan bagi memastikan mereka kekal seperti sedia ada atau dalam keadaan seperti yang mereka sangkakan sebelum ini.

Beliau berkata di Malaysia, peratusan umat Islam menurun daripada 99 peratus kepada 60 peratus tetapi mereka tidak mengubah suai atau mengurus perubahan yang dibawa oleh penjajah Barat (British).

Umat Islam, katanya yang enggan menyesuaikan diri dengan perkembangan keperluan pihak penjajah, telah mengundur dan mengasingkan diri serta dipinggirkan memandangkan kebanjiran pendatang dari China dan India memenuhi keperluan sebuah negara yang dibangunkan oleh British kerana kekayaannya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata walaupun umat Islam merupakan majoriti kecil di Malaysia namun mereka masih merupakan elemen politik paling berkuasa dengan mendapat kerjasama daripada kaum-kaum lain.

Bagaimanapun, katanya, di sebalik kerjasama antara pelbagai

kaum,
sistem kerajaan masih perlu diubah kerana Malaysia tidak dapat
kembali
kepada sistem feudal pra-penjajah di mana sembilan Sultan memerintah
negeri
kecil masing-masing.

Dalam menyelesaikan perkara itu, beliau berkata sebuah
perlembagaan
yang memperuntukkan demokrasi berparlimen dengan raja
berperlembagaan
(bukan eksekutif), dan bukannya sebuah republik, telah digubal.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu membangunkan strategi baru
dalam
usaha menguruskan perubahan yang dibawa oleh teknologi baru.

"Sebaik sahaja berlaku perubahan, jentera untuk menanganinya
perlu
digerakkan, masalah dikaji dan dianalisis, penyelesaian dicadangkan
dan
keputusan dibuat.

"Penyelesaian itu mungkin betul atau salah tetapi adalah lebih
baik
untuk berbuat sesuatu daripada membiarkan ianya berlalu begitu
sahaja,"
katanya.

"Jika penyelesaian itu gagal maka pembedulan boleh dilakukan
atau
penyelesaian baru disaran dan dicuba. Jika kita masih gagal, kita
sudah
tentunya akan mencuba lagi," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHR HK DC ROS